

PM MAHU USAHA BESAR - BESARAN DAN SOFISTIKATED

Hasil pertanian perlu menembusi pasar dunia

KUALA LUMPUR 2 Dis. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu sektor pertanian dan perikanan memikirkan **tentang hasil** dan kegiatan yang bercorak komersial supaya mereka mampu menembusi **pasar dunia**.

Perdana Menteri berkata, selagi sektor - sektor **tersebut** mengamalkan kegiatan secara kecil - kecilan dan melibatkan **cara** tradisional, **ia** tidak akan berkembang dan menjadi industri yang besar dan sofistikated. Mereka, tegas beliau, harus bertindak **atas** garis - garis "thinking **big**" dan pendekatan dalam **mengurus** usaha - usaha **ini** mestilah bersifat nasional serta pemasaran mestilah di peringkat global.

Berucap di Malam Pertanian Negara di **sini** hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berpendapat, **salah** satu sebab **mengapa** sektor - sektor **tersebut** tidak **begitu** berjaya (selain daripada **getah** dan kelapa **sawit**) ialah kerana **ia** tidak **dijalankan** sebagai satu kegiatan komersial tetapi hanya sebagai usaha untuk keperluan makanan diri sendiri **sahaja**.

"Kebanyakan daripada usaha pertanian **kita** ialah secara kecil - kecilan dan tidak bercorak estet seperti ladang **getah**, kelapa **sawit** dan koko, yang **jelas** mendapat manfaat daripada **corak** tersebut," katanya.

Beliau menyatakan, Malaysia mempunyai seramai 16 **juta penduduk** dan sebahagian besar tinggal, di bandar - bandar besar yang bukan **lagi** dikelilingi oleh **kebun** - kebun sayur tetapi oleh kilang - kilang, ladang **getah** dan kelapa **sawit**.

HASIL PERTANIAN PERLU TEMBUSI PASARAN DUNIA

Kdtanya, 16 juta manusia ini memerlukan punca makanan secara tetap serta mencukupi dan menyedari hakikat ini, pembekalan makanan terpaksa dijadikan industri yang besar dan sofistikated.

Menurutnya, ternakan secara kecil-kecilan, berkebudai di atas lot tanah yang kecil, memancing ikan dengan menggunakan perahu tidak lagi dapat menampung keperluan ini. Tambah Perdana Menteri, keperluan masyarakat moden dan besar ini menyebabkan pertanian dan petani tradisional tidak lagi mampu menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pembekal. "Kita perlukan industri pertanian yang besar dan moden. Malangnya jika pertanian moden menggantikan pertanian tradisional, akan terputuslah punca pendapatan petani dan nelayan tradisional. Inilah dilema kita," katanya.

Bagaimanapun, kata Datuk Sri Dr. Mahathir, hakikat perlu diakui bahawa jika ingin mengadakan industri eksport, hasil pertanian tidak mungkin berjaya selagi sistem pertanian tradisional dikekalkan. Beliau menarik perhatian tentang ramai yang menyatakan kesedihan akan nasib nelayan tetapi walau mengeluarkan air mata darah dan menangis

seribu tahun, kemiskinan mereka tidak akan dapat

dikurangkan jika kekal dengan cara-cara menangkap ikan tradisional.

Beliau juga mengingatkan rakyat supaya tidak khayal dengan pendapat bahawa pertukaran daripada tradisional kepada yang moden dengan sendirinya akan membawa kejayaan. Menurutnya, persiapan yang cukup mestilah diadakan untuk menjayakan pertukaran ini.

"Kita memerlukan orang-orang yang terlatih, terutamanya dalam bidang pengurusan kerana hanya dengan pendekatan yang tersusun dan lengkaplah

kejayaan dapat dinikmati," ujarnya.

Katanya, perhatian bukan lagi satu bidang untuk "peasants" di negara Malaysia yang moden dan terpulangnya kepada cerdik-pandai dan pemimpin petani dan nelayan mencari jalan untuk meyakinkan perubahan yang diperlukan tanpa membelakangkan kepentingan petani dan nelayan tradisional. Menurutnya, dengan adanya begitu ramai penganggur yang berpelajaran tinggi, inilah masanya untuk membuat perubahan. Menyentuh mengenai bidang penternakan pula, beliau berpendapat, bukanlah mustahil negara

dapat menghasilkan semua jenis daging untuk keperluan harian dan untuk diekspor.

Katanya, ternakan tidak terhad kepada ayam, itik, kambing dan lembu tetapi ia juga merangkumi pengeluaran daging rusa, anab, daging kambing biri-biri dan mungkin juga

ayam piri dan turkey. Beliau berharap golongan yang melibatkan diri secara terus dengan industri pertanian dan perikanan akan mewujudkan satu azam politik dalam proses pembangunan negara menerusi salah satu sektor yang penting ini.